

CADANGAN PENYETARAAN UKURAN NISAB ZAKAT EMAS PERHIASAN DI MALAYSIA

Proposed Standardization in Calculation of Zakat Nisab on Gold Jewellery in Malaysia

Muhammad Norshah Rosleⁱ, Mohd Ali Mohd Noorⁱⁱ & Hairunnizam Wahidⁱⁱⁱ

Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia 43600 UKM Bangi, Bangi, Selangor, Malaysia

ABSTRAK	ABSTRACT
<p>Zakat terhadap emas sama ada dalam bentuk simpanan atau perhiasan merupakan salah satu daripada jenis-jenis zakat yang diwajibkan. Namun disebabkan harga emas yang lazimnya sedikit berbeza mengikut negeri, kadar zakat terhadap emas perhiasan juga didapati berbeza nilainya. Bahkan perbezaan ini bukan sahaja disebabkan perbezaan harga emas semasa bahkan kaedah pengukuran kadar nisab zakat emas perhiasan yang berbeza diamalkan di sebahagian negeri-negeri di Malaysia. Terdapat negeri yang mengambil kira nilai uruf emas perhiasan dalam menentukan nisab emas perhiasan manakala yang lainnya tidak mengambil kira nilai uruf. Justeru, kertas ini cuba menganalisis kesan perbezaan pengukuran ini di beberapa negeri terpilih seperti Pulau Pinang, Selangor, Pahang dan Melaka. Kajian mendapati bagi negeri yang mengambil kira nilai uruf dalam pengiraan nisab zakat emas perhiasan, kadar zakat yang dikenakan adalah lebih rendah berbanding negeri yang tidak mengambil kira uruf. Kajian ini juga mencadangkan penyetaraan kiraan zakat emas perhiasan dibuat di seluruh negeri bagi melancarkan kutipan zakat emas perhiasan serta mengelakkan zakat emas perhiasan dibayar di negeri yang bukan tempat pembayar bermastautin.</p>	<p>Zakat on gold is either in the form of savings or jewellery is one of the obligatory zakat types. However, due to the fact that gold prices differ among states causing zakat rate on gold jewellery to differ. Even this distinction is not only due to the difference in gold prices, but also in the measurement of the rate of nisab for gold jewellery practiced by some states in Malaysia. There are some states that take into account the value of uruf while the rest not in measuring the nisab of gold jewellery. Hence, this paper attempts to analyze the effect of the difference in selected states i.e. Penang, Selangor, Pahang and Melaka. The study found that states that use value of uruf in calculating the nisab on gold jewellery will imposed lower rate of zakat, compared to other states that did not use value of uruf in their method for calculation. The study also suggests standardization of calculation zakat on gold jewellery charged throughout the state in order to make the collection of zakat on gold jewellery run smoothly and at the same time, can avoid the zakat on gold being paid in a state which is not residing place of residence.</p>

Keywords: calculation, zakat on gold jewellery, uruf, nisab

Kata kunci: pengukuran, zakat emas perhiasan, uruf, nisab	
------------------------------------------------------------------	--

PENGENALAN

Islam ialah satu cara hidup yang sempurna dalam semua aspek kehidupan manusia. Ia menyediakan satu garis panduan yang lengkap khususnya bagaimana meningkatkan pendapatan negara seperti infaq, zakat dan wakaf. Bagi golongan yang layak menerima zakat, ia menambah baik kedudukan sosio ekonomi mereka. Berdasarkan dalil-dalil dan ijma' sepakat ulama Islam bahawa adalah menjadi suatu kewajipan bagi setiap Muslim yang berkemampuan untuk menunaikan tanggungjawab membayar zakat. Di antara jenis zakat yang mendapat perhatian dewasa ini ialah zakat dalam bentuk simpanan emas dan perhiasan. Dewasa ini, kepentingan zakat ini meningkat kerana masyarakat semakin sedar akan tanggungjawab berzakat emas di samping pelbagai bentuk simpanan yang berdasarkan emas wujud pada hari ini.

Zakat emas dibahagikan kepada dua iaitu zakat emas simpan dan zakat emas perhiasan. Kadar ukuran zakat emas simpan telah jelas dan terang dinyatakan menerusi hadith Rasulullah SAW iaitu sebanyak 20 dinar yang menyamai 85 gram emas. Tetapi berbeza dengan zakat emas perhiasan, tiada penetapan khusus di dalam Al-Quran maupun hadith tentang kadar zakat emas perhiasan. Penetapan berkenaan panduan menunaikan zakat emas perhiasan di Malaysia adalah berdasarkan amalan institusi-institusi zakat negeri serta fatwa mufti-mufti di setiap negeri. Hal ini menyebabkan nisab wajib zakat emas perhiasan berbeza di sebahagian negeri bukan sahaja disebabkan nilai semasa emas yang berbeza bahkan disebabkan nilai uruf yang berbeza digunakan. Imam Shafi'e berpendapat bahawa emas perhiasan tidak wajib untuk dibayar zakat melainkan kadar emas perhiasan tersebut telah melebihi kadar kebiasaan masyarakat setempat atau boleh dikenali sebagai kadar uruf. Di Malaysia, penetapan kadar uruf dibuat oleh institusi zakat negeri dengan persetujuan mufti negeri tersebut. Penetapan kadar uruf oleh institusi zakat sesebuah negeri yang telah diluluskan oleh mufti negeri tersebut hanya boleh digunakan oleh masyarakat di dalam negeri itu sahaja.

Justeru, kertas kajian ini bertujuan untuk menganalisis kesan perbezaan nilai uruf zakat emas perhiasan di negeri-negeri terpilih mengikut zon di Semenanjung Malaysia iaitu Pulau Pinang (Zon Utara), Selangor (Zon Tengah), Pahang (Zon Timur) dan Melaka (Zon Selatan). Kajian mengikut zon yang berbeza dibuat kerana terdapat kecenderungan zon yang sama menggunakan nilai uruf yang sama (Lihat Jadual 2). Selain itu, kertas kajian ini juga mencadangkan penyetaraan kaedah pengiraan kadar zakat emas perhiasan yang terdapat di Malaysia melihat dari sudut kekuatan, kelemahan, peluang dan cabaran. Selepas pengenalan dan

isu, kajian memberikan sedikit latar belakang kajian disusuli dengan kajian literatur, metodologi dan diakhiri dengan kesimpulan dan cadangan.

ZAKAT EMAS

Pembayaran zakat merupakan rukun Islam yang ketiga dan tuntutan ini dikenakan kepada individu Muslim yang memenuhi syarat-syaratnya yang telah ditentukan sebagai tanda kesyukuran kepada Allah terhadap nikmat yang telah dikurniakan berdasarkan firman Allah yang bermaksud:

“Dan dirikanlah kamu akan sembahyang dan keluarkanlah zakat dan rukuklah kamu semua (berjemaah) bersama-sama orang-orang yang rukuk.”

(Surah Al-Baqarah, Ayat: 43)

Rasulullah SAW bersabda:

“Islam dibina atas lima rukun: Syahadat tiada tuhan kecuali Allah dan Muhammad utusan Allah, mendirikan sembahyang, membayar zakat, menunaikan haji dan puasa Ramadan.”

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

Rasulullah SAW bersabda:

“Apabila kamu memiliki 200 dirham (perak) dan telah berlalu hawlnya, maka bagi kamu zakat sebanyak 5 dirham. Tidak ada apa—apa kewajipan atas kamu (yakni emas) sehingga kamu memiliki sebanyak 20 dinar. Maka apabila telah kamu memiliki sebanyak 20 Dinar dan telah berlalu hawlnya, maka dan bagi setiap 20 Dinar itu zakatnya adalah sebanyak setengah Dinar. Maka apa yang lebih dari itu adalah mengikut kiraan yang serupa.”

(Hadith riwayat Abu Daud)

Terdapat beberapa jenis harta yang wajib dizakatkan setelah mencapai nisab yang ditentukan oleh syariah seperti zakat tanaman, ternakan, emas dan perak, simpanan dan galian. Ada pun zakat perolehan dan gaji diamalkan hanya di sesetengah Negara disebabkan perbezaan pendapat mengenainya. Emas yang merupakan antara logam yang sangat bernilai diklasifikasikan sebagai harta kepada individu. Secara spesifiknya, emas tergolong dalam barang berharga dan perlu dizakatkan jika telah melebihi kadar 20 dinar yang menyamai 85 gram bagi emas simpanan dan melebihi kadar uruf bagi emas perhiasan menerusi zakat harta. Firman yang bermaksud:

“Dan ingatlah orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya di jalan Allah, maka khabarkanlah kepada mereka dengan balasan atau azab seksa yang tidak terperi sakitnya”

(Surah at-Taubah : 34)

Rasullullah SAW bersabda:

“Tidak ada seseorang yang mempunyai emas dan perak yang tidak menunaikan zakatnya, melainkan pada hari kiamat dijadikan hartanya itu beberapa keping api neraka. Setelah dipanaskan, digosokkan lambung, dahi dan belakangnya. Setiap kali ia sejuk dipanaskan semula pada satu hari yang lamanya 50 ribu tahun sehingga Allah menyelesaikan segala perkara yang berkaitan dengan hamba-Nya.”

(Riwayat Sahih Muslim)

Menerusi dalil-dalil yang telah dinyatakan di atas menunjukkan kewajipan ke atas semua Muslim untuk menunaikan zakat emas sekiranya individu Muslim telah memenuhi kesemua syarat-syarat wajib menunaikan zakat emas.

Emas Simpan

Emas simpan bermaksud emas yang disimpan oleh individu dan emas tersebut telah memenuhi syarat dikenakan zakat iaitu telah cukup nisab iaitu 85 gram (20 mithqal atau 20 dinar) dan cukup haul iaitu genap dan selama tempoh setahun qamariyyah. Antara contoh emas simpan adalah seperti ketulan emas, jongkong, emas rosak yang disimpan, emas yang dijadikan peralatan rumah dan emas perhiasan wanita yang tidak pernah dipakai dalam tempoh setahun dalam milikan.

Emas Perhiasan

Emas perhiasan bermaksud emas yang dijadikan barang perhiasan oleh kaum wanita seperti cincin, rantai dan sebagainya. Dalam penghasilan emas perhiasan, emas tulen perlu dicampurkan dengan logam lain bagi menguatkan jisim emas tersebut kerana sifat emas yang lembut untuk ditempa mengikut bentuk perhiasan yang diinginkan. Terdapat banyak jenis mutu emas yang kebiasaananya terdapat di pasaran Malaysia seperti 999, 916, 950, 875, 835 dan 750. Jenis-jenis mutu emas tersebut melambangkan jumlah peratusan emas tulen yang terdapat dalam emas fizikal tersebut. Jika hendak dibandingkan dengan ketulan emas yang berbentuk bar atau syiling yang berjenis 999 terdapat emas perhiasan yang berjenis 950, 916, 875, 835 dan 750. Kesemuanya mempunyai nilai semasa yang berbeza.

KAJIAN LITERATUR

Menurut Louis (2009), antara kelebihan dan kebaikan penyimpanan emas ialah sebagai penyimpanan kekayaan yang terunggul. Di samping itu, emas juga dianggap sebagai pelaburan kerana harga emas yang meningkat dari masa ke semasa. Selain boleh dijadikan sebagai mas kahwin, emas juga boleh dijadikan hadiah kepada seseorang. Bagi masyarakat Muslim, jika mereka mempunyai ukuran berat emas yang melebihi 85 gram bagi emas simpanan serta melebihi kadar uruf bagi emas perhiasan, mereka perlu membayar zakat yang secara tidak langsung dapat meningkatkan ekonomi umat Islam. Menurut jumhur ulama, zakat tidak

diwajibkan ke atas emas yang dijadikan perhiasan wanita. (Muhsin, 2014). Antara ilmuan Islam yang berpendapat sebegini ialah Imam Ahmad, Imam Shafi'e, Imam Malik, Ibnu Qayyim dan Ibnu Taimiyah. Perkara ini kerana tiada sebarang dalil khas yang menyatakan secara terperinci supaya dikeluarkan zakat bagi emas perhiasan wanita. Tetapi, sekiranya kuantiti emas perhiasan tersebut telah melebihi kebiasaan masyarakat setempat serta telah melebihi kadar uruf yang telah ditetapkan, maka perlulah emas perhiasan tersebut dikenakan zakat. Pernyataan ini disokong oleh ilmuan Islam terkenal masa kini, Yusuf (2001), bahawa zakat wajib dikeluarkan jika pemakaianya mencapai tahap pembaziran dan melebihi kadar kebiasaan. Malaysia berpegang dengan pendapat Imam Syafi'e yang menyatakan bahawa emas perhiasan adalah tidak wajib untuk di zakatkan, namun emas perhiasan yang luar dari budaya semasa iaitu melebihi kadar kebiasaan serta melebihi kadar uruf yang telah ditetapkan oleh setiap institusi zakat serta mufti negeri bagi kawasan tersebut wajib untuk dibayar zakat ke atasnya.

Selepas kewafatan Rasulullah, terdapat pelbagai cara atau usaha yang boleh dilakukan dalam membuat penetapan hukum dalam sesuatu perkara. Perkara ini penting kerana penetapan hukum tersebut akan menjadi panduan kedua kepada masyarakat terutamanya masyarakat Muslim selain merujuk kepada sumber rujukan utama iaitu Al-Quran dan Al-Hadis. Secara ringkasnya semua hukum, peraturan, nilai, dan etika yang berkaitan dengan Islam hendaklah menggunakan fakta daripada Al-Quran dan Al-Hadis sebagai sumber rujukan utama serta beberapa sumber hukum yang lain sebagai sumber hukum kedua sebagai rujukan masa kini seperti ijma', uruf, qias dan sebagainya seperti yang telah diiktiraf oleh ahli-ahli fiqh terdahulu. Dengan mengambil kira skop uruf sebagai sumber yang sangat rapat dan berkait secara langsung dengan keadaan semasa dan setempat (al-Jizani, 2010). Penetapan hukum atau kadar uruf zakat emas perhiasan berpandukan uruf dapat menjadikan badan berwajib seperti institusi zakat serta mufti negeri melakukan penyelidikan berkenaan keadaan masyarakat setempat secara terperinci dan selari dengan kehendak syariat sebelum diputuskan kadarnya yang sebenar di setiap negeri di Malaysia demi memelihara hak masyarakat khususnya masyarakat Muslim.

Berpandukan kajian yang dilakukan oleh Hassan dan Azura (2014), di dalam kajian yang telah dilakukan berkenaan zakat, tiada diselitkan berkenaan perakuanan atau pengiraan emas secara terperinci. Manakala, di dalam kajian yang dilakukan oleh Ummi Farahin, Noor Naemah dan Muhammad Ikhlas (2018) hanya tertumpu kepada dua negeri yang menggunakan kaedah pengiraan penolakan kadar uruf di dalam pembayaran zakat emas perhiasan iaitu Selangor dan Wilayah Persekutuan sahaja tanpa perincian berkenaan wujudnya kaedah pengiraan kadar zakat emas perhiasan yang lain. Negeri-negeri di Malaysia tidak ditetapkan untuk menggunakan satu sahaja kaedah dalam pembayaran zakat emas perhiasan. Berpandukan Rajah yang disertakan di bahagian latar belakang, jelas menunjukkan tiada penyetaraan kaedah pengiraan kadar zakat emas perhiasan yang diamalkan di negeri-negeri di Malaysia. Perkara ini disokong oleh Nor Mohd Faisal (2015) khilaf yang berlaku hanya berkisar tentang uruf yang ditetapkan, sama ada ia diambil kira atau ditolak sebelum didarabkan dengan kadar 2.5 peratus. Pernyataan-pernyataan

daripada kajian sebelum ini menunjukkan akan keperluan kajian tentang kaedah pengiraan kadar zakat emas perhiasan di Malaysia di perlukan bagi mengatasi limitasi pengetahuan yang ada sekarang.

METODOLOGI KAJIAN

Maklumat-maklumat yang diperolehi bagi melengkapkan keperluan kertas kajian ini adalah melalui tiga kaedah yang bersesuaian seperti mana yang dinyatakan berikut: Sumber-sumber data dan maklumat utama bagi kertas kajian ini diperoleh daripada web rasmi institusi zakat serta mufti di setiap negeri yang terpilih daripada setiap zon yang berada di semenanjung Malaysia iaitu Pulau Pinang (Zon Utara), Selangor (Zon Tengah), Pahang (Zon Timur) dan Melaka (Zon Selatan) selaku badan yang bertanggungjawab dalam mengawal selia urusan berkenaan pentadbiran atau penyediaan garis panduan sesuatu perkara berkaitan agama Islam di Malaysia. Selain itu, web rasmi Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia juga menjadi salah satu sumber data utama kertas kajian ini kerana badan tersebut yang mengawal selia, mengeluarkan fatwa serta resolusi-resolusi berkaitan permasalahan yang timbul berkaitan hal ehwal Islam di Malaysia terutamanya artikel-artikel, buku-buku yang berkenaan dengan zakat emas untuk mendapatkan maklumat dengan lebih jelas bagi merungkai permasalahan kajian ini.

Kajian ini juga mengambil kira data dan maklumat melalui pembacaan terhadap kajian-kajian lepas mengenai zakat emas terutamanya kadar pengiraan zakat emas serta pembacaan mengenai garis panduan yang telah disediakan oleh setiap institusi zakat, mufti-mufti di setiap negeri serta Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia berkenaan zakat emas di Malaysia dalam penghasilan kajian ini. Sumber-sumber lain termasuklah jurnal, laporan dan pelbagai jenis penerbitan yang lain.

Menerusi maklumat-maklumat yang telah diperolehi hasil daripada pelbagai sumber rujukan yang telah dinyatakan di atas, kajian yang lebih teliti telah dilaksanakan serta kesemua maklumat yang diperolehi itu dianalisis dengan menggunakan analisis SWOT bagi mencapai salah satu objektif kajian yang dihasratkan di dalam kajian ini.

HASIL DAN PERBINCANGAN

Kaedah Pengiraan Zakat Emas Perhiasan

Secara keseluruhannya terdapat dua kaedah pengiraan yang digunakan di Malaysia iaitu kaedah pengiraan zakat emas perhiasan yang ditolak dengan kadar uruf dan kaedah pengiraan kadar zakat emas perhiasan tanpa ditolak uruf. Berpandukan manual pengurusan pembayaran zakat yang dikeluarkan oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) pada tahun 2008, kaedah pengiraan yang dimasukkan di dalam manual tersebut hanyalah satu kaedah sahaja iaitu kaedah

pengiraan zakat emas perhiasan yang ditolak dengan kadar uruf. Kaedah pengiraan ini digunakan oleh kebanyakan negeri di Malaysia. Tetapi, perlu diingat terdapat juga negeri-negeri yang menggunakan kaedah pengiraan kadar zakat emas perhiasan yang tanpa ditolak dengan kadar uruf negeri tersebut.

Kaedah pengiraan kadar bayaran zakat emas perhiasan di negeri-negeri di Malaysia adalah tidak ditetapkan dengan satu kaedah yang perlu disepakati. Secara keseluruhannya terdapat dua kaedah pengiraan yang digunakan iaitu:

Kaedah Pertama: (Berat emas – Uruf) x harga emas semasa x 2.5% = Jumlah Zakat

Kaedah ini menunjukkan cara pengiraan kadar zakat emas perhiasan yang dikenakan ke atas lebihan uruf sahaja. Bagi kaedah pertama ini, setelah mengetahui berat keseluruhan emas perhiasan yang ada telah melebihi kadar uruf yang telah ditetapkan, cara pengiraan bayaran zakat emas perhiasan ialah dengan cara jumlah berat keseluruhan emas perhiasan yang ada itu ditolak dengan kadar uruf yang telah ditetapkan oleh institusi zakat yang telah diluluskan oleh mufti negeri tersebut. Selepas itu, jumlah baki yang tinggal daripada penolakan tersebut didarabkan dengan harga emas semasa per gram. Seterusnya, selepas didarabkan dengan harga emas semasa per gram tersebut didarabkan pula dengan kadar zakat iaitu 2.5% untuk mengetahui jumlah sebenar zakat emas perhiasan yang perlu dibayar.

Kaedah Kedua: Berat emas x harga emas semasa x 2.5% = Jumlah Zakat

Kaedah ini menunjukkan cara pengiraan kadar zakat emas perhiasan yang dikenakan ke atas nilai keseluruhan kuantiti emas perhiasan yang melebihi kadar uruf. Bagi kaedah kedua ini, setelah mengetahui berat keseluruhan emas perhiasan yang ada telah melebihi kadar uruf (nisab) yang telah ditetapkan, cara pengiraan bayaran zakat emas perhiasan ialah dengan cara jumlah keseluruhan emas perhiasan yang ada itu terus didarabkan dengan harga emas semasa per gram. Setelah itu, jumlah selepas didarabkan dengan harga emas semasa per gram tersebut didarabkan pula dengan kadar zakat iaitu 2.5% untuk mengetahui jumlah sebenar zakat emas perhiasan yang perlu dibayar.

Bagi negeri-negeri yang mengambil kira nilai uruf, maka zakat yang dikenakan bersamaan berat emas yang dimiliki ditolak nilai uruf didarab nilai emas semasa dan didarab 2.5%. Manakala negeri yang tidak mengambil kira uruf dalam pengukuran akan terus mengambil berat emas didarab harga emas semasa dan didarab 2.5%. Ringkasnya, dengan penolakan uruf, jumlah zakat yang perlu dibayar akan lebih kecil berbanding tanpa penolakan uruf. Perbezaanya hanya bergantung sama ada tolakan nilai uruf dibuat atau tidak. Terdapat negeri yang mempunyai nilai

uruf yang tinggi seperti negeri Selangor, Wilayah Persekutuan, Johor dan Trengganu. Perbezaannya agak ketara berbanding nilai uruf di Perlis, Kedah, Negeri Sembilan dan Melaka.

Berikut merupakan senarai negeri-negeri di Malaysia dan kaedah pengiraan kadar zakat emas perhiasan yang digunakan di setiap negeri tersebut:

Jadual 1. Amalan Penggunaan atau Tolakan Uruf dalam Zakat Perhiasan negeri-negeri di Malaysia

Negeri	Kaedah Kiraan
Perlis	Kaedah Tanpa Penolakan Uruf
Kedah	Kaedah Penolakan Uruf
Pulau Pinang	Kaedah Tanpa Penolakan Uruf
Perak	Kaedah Tanpa Penolakan Uruf
Selangor	Kaedah Penolakan Uruf
Wilayah Persekutuan	Kaedah Penolakan Uruf
Negeri Sembilan	Kaedah Penolakan Uruf
Melaka	Kaedah Penolakan Uruf
Johor	Kaedah Penolakan Uruf
Pahang	Kaedah Tanpa Penolakan Uruf
Terengganu	Kaedah Penolakan Uruf
Kelantan	Tiada
Sabah	Kaedah Penolakan Uruf
Sarawak	Kaedah Penolakan Uruf

Sumber: Laman Web Rasmi Institusi Zakat Negeri

Daripada Jadual 1 di atas, dapat diperhatikan terdapat sembilan negeri di Malaysia yang menggunakan tolakan uruf semasa mengira zakat emas perhiasan. Manakala empat negeri menggunakan kaedah tanpa penolakan uruf. Keadaan di Kelantan agak berbeza dengan lain-lain negeri kerana tiada penetapan kadar uruf dilakukan kerana pada kebiasannya wanita di negeri tersebut yang gemar memakai emas perhiasan. Emas perhiasan juga digunakan untuk tujuan awasan bagi menghadapi sebarang kemungkinan dan bagi tujuan segera modal perniagaan. Justeru di Kelantan, perhiasan bukan lagi semata-mata simbol kekayaan atau barang mewah seperti dalam kajian ilmu ekonomi. Nilai uruf yang berbeza mengikut negeri pula ditunjukkan seperti Jadual 2 di bawah.

Jadual 2. Kadar Uruf Zakat Emas Perhiasan negeri-negeri di Malaysia

ZON	NEGERI	KADAR URUF EMAS PERHIASAN (GRAM)
Zon Utara	Perlis	170
	Kedah	170
	Pulau Pinang	165
	Perak	500

	Selangor	800
Zon Tengah	Wilayah Persekutuan	800
	Negeri Sembilan	200
	Melaka	180
Zon Selatan	Johor	850
	Pahang	500
Zon Timur	Terengganu	850
	Kelantan	-
Zon Sabah	Sabah	250
Zon Sarawak	Sarawak	775

Sumber: Laman Web Rasmi Institusi Zakat Negeri

Berpandukan Jadual 2, dapat diperhatikan negeri Selangor, Wilayah Persekutuan dan Johor diantara negeri yang tinggi nilai uruf iaitu sebanyak 800 hingga 850 gram emas. Nilai uruf yang tinggi memungkinkan ramai pemilik emas perhiasan yang Akan terlepas daripada kewajipan berzakat. Sekiranya dikenakan juga zakat, jumlahnya masih kecil setelah ditolak uruf. ini mungkin boleh dijustifikasi dengan taraf hidup masyarakat Islam di Selangor, Wilayah Persekutuan dan Johor yang tinggi. Bagi negeri yang mengamalkan kaedah penolakan uruf tetapi nilai urufnya kecil termasuk negeri Pulau Pinang, Melaka, Negeri Sembilan dan Sabah boleh menyebabkan sebahagian masyarakat tergolong di dalam kategori pembayar zakat. Terdapat juga kemungkinan mereka yang tinggal di negeri-negeri ini akan mengelak daripada membayar zakat emas perhiasan dengan andaian mereka belum mencukupi nisab berpandukan uruf di Selangor, Wilayah Persekutuan dan Johor. Sebagai contoh, mereka yang mempunyai emas perhiasan seberat 300 gram terpaksa membayar zakat sekiranya tinggal di Melaka dan Negeri Sembilan sebaliknya terlepas dari tanggungjawab membayar zakat sekiranya tinggal di Selangor dan Wilayah Persekutuan. Jarak di antara Melaka dan Negeri Sembilan yang dekat dengan Selangor dan Wilayah Persekutuan juga boleh menimbulkan keraguan pembayar zakat mengenai nilai uruf yang jauh perbezaannya di antara kedua zon tersebut.

Pulau Pinang

Pulau Pinang yang terletak di zon utara Malaysia telah menjadi antara negeri yang dikaji dalam kertas kajian ini. Urusan zakat di negeri ini dikawal selia oleh Pusat Zakat Pulau Pinang. Melalui temubual dan rujukan di web rasmi Zakat Pulau Pinang, kadar uruf emas perhiasan terkini yang telah ditetapkan untuk negeri ini ialah sebanyak 165 gram. Kadar uruf zakat emas perhiasan negeri Pulau Pinang ini ialah kadar uruf yang terendah di Malaysia. Pulau Pinang merupakan antara negeri yang menggunakan kaedah pengiraan tanpa menolak kadar uruf di dalam pengiraan kadar zakat emas perhiasan di negerinya.

Selangor

Selangor merupakan negeri yang terpilih daripada negeri-negeri yang berada di zon tengah Malaysia. Kaedah penetapan kadar uruf zakat emas perhiasan di Selangor adalah melalui kajian lapangan yang dilakukan oleh pihak Lembaga Zakat Selangor. Kajian lapangan yang dilakukan menerusi edaran borang kaji selidik yang diedarkan oleh Lembaga Zakat Selangor menggunakan jumlah persampelan yang besar yang dapat mewakili keseluruhan penduduk negeri Selangor. Data-data yang diperolehi melalui edaran borang kaji selidik kepada penduduk-penduduk negeri Selangor tersebut dianalisis untuk menjelaskan bagaimanakah penetapan kadar diperolehi bagi membuktikan kadar uruf pemakaian emas seperti yang dicadangkan ahli Jawatankuasa Fatwa Selangor sebelum keputusan tersebut diwartakan. Hasil kajian lapangan tersebut menunjukkan 500 gram adalah kadar uruf zakat emas perhiasan di negeri tersebut tetapi setelah mendapat nasihat dari pihak istana dan titah daripada Tuanku Sultan Selangor iaitu Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj untuk dinaikkan kadarnya demi menjaga maslahah golongan wanita yang memakai emas perhiasan dalam kuantiti yang sedikit. Maka pada tahun 2005 telah diwartakan bahawa kadar uruf zakat emas perhiasan di negeri Selangor ialah pada kadar 800 gram. Selangor merupakan antara negeri yang menggunakan kaedah pengiraan ditolak dengan kadar uruf di dalam pengiraan kadar zakat emas perhiasan di negerinya.

Pahang

Pahang yang terletak di timur Malaysia terpilih untuk dimasukkan di dalam kertas kajian ini bagi mewakili negeri di zon timur. Hal ehwal agama Islam di negeri ini dikawal selia oleh Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang. Di bawahnya terdapat Pusat Kutipan Zakat Pahang yang menguruskan zakat di negeri ini. Pusat Kutipan Zakat Pahang membuat penyelidikan berkenaan kadar uruf zakat emas perhiasan melalui kajian lapangan. Bermula pada tahun 2012, kadar uruf emas perhiasan terkini yang telah ditetapkan untuk negeri ini ialah sebanyak 500 gram. Pahang merupakan antara negeri yang menggunakan kaedah pengiraan tanpa menolak kadar uruf di dalam pengiraan kadar zakat emas perhiasan di negerinya.

Melaka

Melaka merupakan negeri di kawasan zon selatan yang terpilih untuk dijadikan antara negeri yang dikaji di dalam kertas kajian ini. Urusan berkenaan zakat di negeri ini diselia oleh Pusat Zakat Melaka. Pusat Zakat Melaka membuat penyelidikan tentang kadar uruf emas perhiasan di negeri tersebut dengan hanya berdasarkan penilaian kepada rumusan data pungutan zakat emas pada tahun 2007-2009. Data pungutan zakat emas tersebut tidak hanya fokus kepada emas perhiasan sahaja tetapi merangkumi kesemua kategori emas. Hasil daripada penilaian terhadap rumusan data pungutan zakat emas selama tiga tahun tersebut mendapati bahawa purata timbangan berat emas 151 gram sehingga 200 gram adalah lebih tinggi berbanding purata timbangan yang lain. Pada tahun 2011 Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka telah mewartakan 180 gram merupakan kadar uruf emas perhiasan di negeri tersebut berdasarkan penyelidikan berdasarkan rumusan data pungutan zakat emas yang dilakukan oleh Pusat Zakat Melaka.

Melaka merupakan antara negeri yang menggunakan kaedah pengiraan ditolak dengan kadar uruf di dalam pengiraan kadar zakat emas perhiasan di negerinya.

Justeru, negeri Pulau Pinang dan Pahang menggunakan pendekatan tidak menolak uruf, bayaran zakat yang dikenakan akan lebih tinggi berbanding negeri Selangor dan Pahang. Berbanding kedua negeri ini pula, uruf bagi Pulau Pinang hanya sebanyak 165 gram berbanding Pahang sebanyak 500 gram. Ini bermakna kebarangkalian mereka yang wajib membayar zakat emas perhiasan adalah tinggi di Pulau Pinang kerana kadar uruf yang telah ditetapkan adalah rendah. Terdapat jurang sebanyak 335 gram emas diantara nisab pembayar zakat emas di Pulau Pinang berbanding Pahang. Nilai ini sekiranya ditukar kepada ringgit Malaysia akan memberikan nilai yang agak tinggi dengan kadar nilai emas yang hampir sama bagi kedua negeri tersebut. Perkara sebaliknya pula mungkin boleh berlaku dimana mereka yang tinggal di Pulau Pinang langsung tidak membayar zakat emas perhiasan dengan alasan mereka belum cukup nisab kerana menggunakan pakai uruf di negeri Pahang. Atau mereka yang tinggal di Pulau Pinang contohnya mereka yang memiliki lebih 500 gram emas perhiasan akan membuat pembayaran zakat di Pahang kerana tolakannya lebih tinggi justeru nilai zakat perhiasannya lebih rendah.

Perbezaan nilai uruf di antara Selangor dan Melaka juga agak ketara sebanyak 620 gram. Walaupun kedua-dua negeri ini menggunakan kaedah pengiraan penolakan kadar uruf di dalam pembayaran zakat emas perhiasan, namun kebarangkalian mereka yang wajib membayar zakat kerana tinggal di Melaka lebih tinggi berbanding negeri Selangor. Nilai uruf di Selangor adalah tinggi iaitu sebanyak 800 gram berbanding negeri Melaka yang hanya sebanyak 180 gram. Ramai mereka yang tinggal di Selangor terlepas membayar zakat emas perhiasan berbanding masyarakat Muslim yang tinggal di Melaka. Perbezaan nilai uruf dikedua-dua negeri juga besar sekiranya nilai uruf ditukar kepada ringgit Malaysia. Atau segelintir mereka yang tinggal di Melaka langsung tidak membayar zakat emas perhiasan dengan alasan masih di bawah nisab kerana menggunakan uruf di Selangor.

Terdapat juga kemungkinan apabila negeri Selangor meletakkan uruf yang sangat tinggi oleh itu tiada sebarang penolakan dibuat semasa mengira kadar zakat emas perhiasan. Manakala Pulau Pinang meletakkan nilai uruf yang rendah, oleh itu tolakan dibuat semasa mengira nilai zakat emas perhiasan. Mungkin juga terdapat mereka yang sudah sampai nisab untuk membayar zakat emas perhiasan di Pulau Pinang tetapi membuat bayaran di Selangor kerana terdapat tolakan uruf yang besar di negeri tersebut. Sebenarnya, pelbagai kemungkinan boleh berlaku apalagi dalam keadaan semasa tiada akta atau undang-undang mengatakan pembayar zakat wajib membayar zakat di tempat di mana mereka bermastautin.

Walaupun kedua-dua kaedah mempunyai kelebihan dan kemanfaatan tersendiri, maka di bawah ini ditunjukkan analisis SWOT bagi kaedah yang ada penolakan uruf kerana ia dirasakan lebih sesuai dan kurang membebankan pembayar.

Rajah 1: Kaedah Penolakan Kadar Uruf

<u>KEKUATAN (S)</u>	<u>KELEMAHAN (W)</u>
<ul style="list-style-type: none"> ❖ Peningkatan jumlah kutipan ❖ Psikologi positif menarik lebih ramai membayar zakat emas perhiasan ❖ Ambilkira keterbiasaan masyarakat di dalam pengiraan 	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Kekeliruan masyarakat mengenai kadar uruf ❖ Kadar uruf yang sama berpanjangan atau tidak bersesuaian dengan tahun semasa ❖ Kesukaran persetujuan negeri-negeri lain sukar
<u>PELUANG (O)</u>	<u>ANCAMAN (T)</u>
<ul style="list-style-type: none"> ❖ Jangkaan kutipan bertambah ❖ Jangkaan agihan bertambah ❖ Peningkatan kadar uruf selari dengan peningkatan harga emas 	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Individu bayar di kawasan uruf yang lebih tinggi ❖ Individu tidak membayar langung

Merujuk Rajah 1, Berdasarkan analisis SWOT yang dilakukan kepada kaedah pengiraan kadar zakat emas perhiasan dengan penolakan uruf ini mendapati bahawa terdapat beberapa isi penting yang dapat diklasifikasikan di dalam bahagian Kekuatan (S). kaedah pengiraan ini akan dapat meningkatkan kutipan zakat emas perhiasan. Selain itu, dengan menggunakan kaedah pengiraan ini juga dapat memberikan psikologi positif yang dapat menarik lebih ramai individu untuk membayar zakat emas perhiasan kerana kaedah ini mengambil kira keterbiasaan atau uruf untuk ditolak dengan jumlah gram yang sebenar sebelum didarabkan dengan harga emas semasa per gram dan kadar 2.5%. Kadar zakat yang perlu dibayar akan berkurangan selepas penolakan tersebut dan tidak membebangkan masyarakat secara amnya. Tidak di nafikan juga dengan penggunaan kaedah pengiraan tanpa penolakan uruf juga mampu memberikan peningkatan dalam jumlah pungutan zakat, tetapi jika masyarakat Muslim ambil perhatian tentang kedua-dua kaedah pengiraan zakat emas perhiasan ini, mereka akan membayar kadar zakat yang lebih jika

menggunakan kaedah pengiraan tanpa penolakan uruf berbanding kaedah yang menggunakan penolakan uruf di dalam kiraan zakatnya. Perkara ditakuti secara tidak langsung akan menimbulkan sifat negatif terhadap masyarakat Muslim di Malaysia mengenai pembayaran zakat emas perhiasan.

Pada bahagian Kelemahan (W) untuk kaedah pengiraan kadar zakat emas perhiasan yang menggunakan penolakan uruf berdasarkan analisis SWOT yang dilakukan di dalam kajian ini mendapati bahawa wujud kekeliruan kepada masyarakat Muslim khususnya mengenai kadar uruf di setiap negeri yang berbeza-beza. Di samping itu, keadaan ekonomi yang sentiasa berubah-ubah menunjukkan perlunya penetapan tempoh kajian untuk penetapan kadar uruf kerana takut penggunaan kadar uruf yang sama berpanjangan berkemungkinan tidak sesuai dengan tahun semasa. Tambahan pula, antara kelemahan lain kaedah pengiraan kadar zakat emas perhiasan yang menggunakan penolakan uruf ini juga akan mendapat kesukaran persetujuan daripada negeri-negeri yang menggunakan kaedah pengiraan yang sebaliknya kerana sistem yang digunakan adalah berbeza dan akan membabitkan kos yang agak tinggi untuk penggubalan dasar baru negeri-negeri tersebut. Bagi bahagian kelemahan ini, perkara yang sama turut akan berlaku terhadap kaedah pengiraan kadar zakat emas perhiasan tanpa penolakan uruf kerana kekeliruan yang wujud kerana tiada kesetaraan oleh setiap negeri di Malaysia.

Berdasarkan analisis SWOT yang dilakukan kepada kaedah pengiraan kadar zakat emas perhiasan dengan penolakan uruf ini mendapati terdapat beberapa Peluang (O) yang akan wujud. Selain jangkaan akan berlakunya peningkatan dalam kutipan zakat emas perhiasan daripada pembayar-pembayar yang cukup syarat untuk menunaikan zakat, maka akan wujud juga pertambahan jumlah agihan zakat kepada golongan yang memerlukan. Selain itu, antara peluang yang akan berlaku dengan penggunaan kaedah pengiraan kadar zakat emas perhiasan dengan penolakan uruf ini ialah kajian susulan dan berterusan akan dilakukan bagi memastikan kadar uruf yang telah ditetapkan oleh setiap negeri tersebut selari dengan harga emas semasa. Perkara yang sama juga akan berlaku kepada kaedah pengiraan kadar zakat emas perhiasan tanpa penolakan uruf. Tetapi, kertas kajian ini berpendapat bahawa masyarakat Muslim akan sedar bahawa kaedah pengiraan ini akan menyebabkan mereka membayar kadar zakat emas perhiasan dengan kadar yang lebih tinggi berbanding kaedah pengiraan kadar zakat emas perhiasan yang menggunakan penolakan uruf. Perkara ini dikhuatiri akan menimbulkan spekulasi negatif terhadap para pembayar zakat dan boleh memberikan kesan yang negatif di dalam kutipan zakat emas perhiasan kelak.

Walaupun demikian, tidak dinafikan terdapat Ancaman (T) yang boleh berlaku berdasarkan analisis SWOT yang dilakukan kepada kaedah pengiraan kadar zakat emas perhiasan dengan penolakan uruf ini. Antara ancaman yang mungkin boleh berlaku adalah individu akan cuba untuk membayar zakat emas perhiasan di negeri yang mempunyai kadar uruf yang lebih tinggi bagi mengurangkan jumlah bayaran zakat yang perlu ditunaikannya. Di samping itu, mungkin

juga akan wujud segelintir individu yang mengambil peluang mengelak atau langsung tidak mahu membayar zakat emas perhiasan tersebut sejurus mampu memberikan kesan buruk dalam kutipan zakat dan boleh memberi kesan kepada negara secara keseluruhannya. Ancaman yang sama juga akan wujud kepada kaedah pengiraan kadar zakat emas perhiasan tanpa penolakan uruf malah peratusan kemungkinan berlakunya ancaman-ancaman tersebut akan lebih tinggi kerana secara asasnya lagi para pembayar zakat emas perhiasan di negeri-negeri yang menggunakan kaedah ini akan membayar kadar zakat yang lebih tinggi berbanding negeri-negeri yang menggunakan kaedah pengiraan kadar zakat emas perhiasan yang menggunakan penolakan uruf.

KESIMPULAN DAN IMPLIKASI DASAR

Beberapa implikasi yang dapat diketengahkan serta dimantapkan yang mencakupi implikasi kepada penggubal dasar dan badan-badan yang bertanggungjawab dalam urusan hal ehwal Islam iaitu institusi-institusi zakat, mufti-mufti di setiap negeri serta Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia berhubung dengan kajian ini.

Kajian ini menunjukkan bahawa pihak yang bertanggungjawab, institusi zakat negeri, mufti-mufti di setiap negeri serta Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia perlu memainkan peranan yang penting bagi menangani segala isu yang timbul di Malaysia terutamanya berkaitan hal ehwal Islam terutamanya untuk masyarakat Muslim di Malaysia ini. Pihak-pihak yang dinyatakan di atas perlu lebih kerap untuk menyediakan info berkenaan zakat emas perhiasan melalui pemasaran di talian, surat khabar, taklimat penerangan, kaunter penerangan, ceramah agama dan sebagainya bagi menambahkan lagi pemahaman dan berkuasa untuk menimbulkan sifat ambil peduli kepada rakyat Malaysia terutamanya masyarakat Muslim berkenaan zakat emas perhiasan. Selain itu, pihak-pihak bertanggungjawab seperti institusi zakat negeri, mufti-mufti di setiap negeri juga perlu bersepakat dalam menyediakan garis panduan yang khas untuk menetapkan kaedah pengiraan kadar zakat emas perhiasan yang boleh digunakan oleh setiap negeri di Malaysia tanpa menyebabkan timbulnya kekeliruan kepada rakyat khususnya masyarakat Muslim. Kertas kajian ini ditulis untuk mengetengahkan cadangan penyetaraan kaedah pengiraan kadar zakat emas perhiasan di Malaysia bagi memudahkan kesemua pihak termasuklah kerajaan, badan-badan yang bertanggungjawab serta masyarakat khususnya.

Secara kesimpulannya, melalui bacaan dan analisis daripada kajian, kertas kajian ini berjaya dalam menyelesaikan permasalahan kajian ini berhubung isu kaedah pengiraan kadar zakat emas perhiasan mengikut tetapan setiap pusat zakat dan mufti negeri yang memfokuskan kepada negeri-negeri yang terpilih daripada setiap zon di semenanjung Malaysia iaitu Pulau Pinang (Zon Utara), Selangor (Zon Tengah), Pahang (Zon Timur) dan Melaka (Zon Selatan) Malaysia berdasarkan data-data dan garis panduan serta parameter yang telah diperolehi melalui kaedah

metodologi kajian yang digunakan dalam menyempurnakan kertas kajian ini. Setiap mufti negeri mempunyai kaedah atau cara yang khas dalam penetapan kadar uruf zakat emas perhiasan bagi negeri masing-masing seperti yang telah dinyatakan di dalam bahagian dapatan kajian.

RUJUKAN

- Al-Ghazali. *Ihya' Ulumal-Din*. (Beirut: Dar al-Ma'rifah), j. 4, h. 91.
- Al-Jizani, Muhammad Ibn Husayn Ibn Hasan. 2010. *Ma'alim Usul al-Fiqh 'ind Ahl al-Sunnah wa al Jama'ah*. Al-Dammam: Dar Ibn al-Jawzi.
- Al-Qardawi, Yusuf. 2001. *Taysir al-Fiqh li al-Muslim al-Mu'asarah fi Daw'i al-Qur'an wa al-Sunnah*. Jakarta: Pustaka al-Kautsar.
- Engku Muhammad Tajuddin Engku Ali, Mahadi Mohammad dan Ahmad Tarmizi Taha. 2015. *Panduan Syara' Tentang Emas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassan Bin Hj.Arshad dan Azura Binti Mohd. Noor. 2014. *Zakat: Keharmonian Masyarakat Dan Kemakmuran Negara*. Symposium of International Language & Knowledge (SiLK 2014).
- Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR). 2008. *Manual Pengurusan Pembayaran Zakat*.
- Levintal, O, Zeira, J. 2009. *The Evolution of Paper Money*. London, Centre for Economic Policy Research.
- Lokmanulhakim Hussain, Dr. Mohamed Fairooz Abdul Khir, Mohd Bahroddin Badri dan Apnizan Abdullah. 2012. *Analisis Syariah Terhadap Produk-Produk Pelaburan Emas Di Malaysia*. Kertas Kajian ISRA.
- Louis Ng. 2009. *Public Gold: Kelebihan Pelaburan Emas Fizikal*. Prosiding Seminar Penjanaan Ekonomi Melalui Transaksi Wang Dinar (SEGINAR09). Universiti Kebangsaan Malaysia pada (UKM): Fakulti Pengajian Islam.
- Maffuza Salleh & Zaini Yusnita Mat Jusoh. 2014. *Pemahaman Wanita Islam Terhadap Zakat Emas Perhiasan Di Bandar Seri Putra, Kajang: Satu Tinjauan Awal*. Jurnal Pengajian Islam, Akademi Islam Kuis. Bil 7, ISU 1:2014.
- Muhsin Nor Paizin. 2014. *Zakat Ke Atas Harta Emas: Amalan Dan Pelaksanaan Di Malaysia*. Jurnal Pengurusan JAWHAR. Vol.8, No.1, 2014.
- Nor Mohd Faisal Bin Md Ariffin. 2015. *Penentuan 'Urf Zakat Emas Perhiasan: Analisis Perbandingan Majlis Agama Islam Selangor Dan Pusat Zakat Melaka*. Jabatan Syariah Dan Ekonomi Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Roy W. Janstram. 2007. *The Golden Constant – The English and American Experience* 1560–2007.
- Sanep Bin Ahmad dan Salmy Edawati Binti Yaacob. 2012. *Dinar Emas: Sejarah dan Aplikasi Semasa*. Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ummi Farahin Yasin, Noor Naemah Abdul Rahman dan Muhammad Ikhlas Rosele. 2018. *Amalan Penentuan Kadar Uruf Pemakaian Emas Perhiasan Di Wilayah Persekutuan*

Kuala Lumpur Dan Selangor. Labuan e-Journal of Muamalat and Society, Vol. 12, 2018,
pp. 89-100.

Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM). 2014. *Emas Bukan Sekadar Perhiasan*. Kuala Lumpur: Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM).

http://www.maij.gov.my/?page_id=110

<http://www.zakatpahang.my/index.php/zakat/jenis-jenis-zakat/zakat-emas-dan-perak>

<http://www.zakatpenang.com/zpp/index.php/2013-06-30-10-54-31/jenis-zakat/zakat-emas-perak>

<https://www.zakatselangor.com.my/info-zakat/zakat-kewajipan-berzakat/jenis-jenis-zakat/zakat-emas-perak/>